



## MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

### PANDUAN PENGENDALIAN PROGRAM PENDIDIKAN PERUBATAN (IJAZAH ASAS) SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19

#### PENGENALAN

Panduan ini bertujuan memberi penjelasan lanjut seiring panduan yang telah dikeluarkan oleh MQA. Panduan ini perlu dibaca bersama Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 yang telah diedarkan oleh MQA pada 29 Mac 2020.

#### PANDUAN UMUM

1. **Panduan dan advisory** kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam merancang tindakan dan langkah pemulihan sementara sistem pengajian yang terjejas sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan bagi kemungkinan perlanjutan tempoh tersebut melangkaui 14 April 2020. Panduan dan **advisory** ini juga **perlu dibaca bersama dengan arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak** berkuasa dari semasa ke semasa termasuk Kementerian Kesihatan, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (JPT, KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
2. Tindakan dan langkah sementara yang diambil oleh PPT dalam tempoh krisis ini diletakkan di atas **tanggungjawab dan autonomi Senat/Lembaga Akademik PPT untuk membuat keputusan pelaksanaan dalam tempoh masa yang wajar** (semasa dan pasca krisis) berdasarkan kesesuaian sumber dan prasarana sedia ada. PPT perlu mengambil kira kepentingan dan menjaga kebijakan pelajar semasa dan akan datang dalam membuat sebarang pelaksanaan tindakan dan langkah sementara tersebut.

3. PPT perlu merekod dan mengemas kini sebarang tindakan dan langkah sementara yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (atau lain-lain perintah seumpamanya selepas itu) dari semasa ke semasa. Semua perubahan yang dilakukan perlukan mengikut prosedur universiti dan mendapat kelulusan Naib Canselor/Senat.
4. Pusat Jaminan Kualiti Dalaman PPT adalah dikehendaki **memantau** perlaksanaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan dan **menyelaras** **tindakan pasca krisis setelah keadaan kembali pulih.** Tindakan tersebut boleh berbentuk program pemulihan, pembetulan atau penambahbaikan berdasarkan keperluan. Ia boleh dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keutamaan terutamanya bagi pelajar yang akan bergraduat dalam tempoh terdekat.
5. Segala rekod dan dokumen mengenai tindakan dan langkah sementara serta data kualiti akan diperiksa oleh panel akreditasi pada lawatan akreditasi atau pemantauan seterusnya.

## PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

6. **Pengubahsuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pertemuan bersemuka kepada *online* sepenuhnya termasuk aktiviti berbentuk amali.**

Pada umumnya PPT boleh mengambil langkah sementara dengan mengubah suai komponen pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pertemuan bersemuka (termasuk *blended learning*) kepada kaedah atas talian sepenuhnya tertakluk kepada kesediaan pelajar, tenaga pengajar, sumber dan prasarana di PPT. Kaedah *remote learning* seperti pembelajaran berbentuk tugasan dan pembelajaran kendiri boleh digunakan mengikut kesesuaian. PPT perlu mengeluarkan panduan yang jelas kepada pelajar berkenaan pengubahsuaian yang dilakukan. Pendedahan komponen amali (sama ada sebahagian atau keseluruhan kursus) boleh dilaksanakan melalui video, simulasi maya (*virtual simulation*) atau kaedah lain yang bersesuaian. Adalah menjadi tanggungjawab tenaga pengajar untuk memastikan aktiviti amali yang dirancang adalah bersesuaian dan **dapat mencapai hasil pembelajaran** yang ditetapkan. Walau bagaimanapun kelonggaran ini hanya terpakai untuk peringkat praklinikal sahaja. Pada tahun klinikal, pembelajaran melalui *online*

atau *remote learning* dihadkan kepada komponen teori sahaja. Pada peringkat klinikal, kelonggaran pengubahsuaian kaedah pembelajaran kemahiran klinikal hanya terhad kepada pencapaian kemahiran tahap 1 dan 2 *Miller's pyramid of clinical competence*. Pada prinsipnya Tahap 3 dan 4 yang meliputi *Show how* dan *Does* **TIDAK BOLEH** diganti dengan kaedah *online* atau *remote learning*.

Walau bagaimanapun kelonggaran boleh diberi untuk perlaksanaan pembelajaran klinikal Tahap 3 *Show How* secara *real time* atau *non real time (recorded)* dan 4 *Does* untuk pembelajaran kompetensi spesifik seperti *history taking* dibuat secara 'live' (*real time*) dengan **SYARAT** institusi mempunyai **kepakaran** dan **fasiliti** yang lengkap untuk menyokong perlaksanaan tersebut.

## **7. Penghentian pengajaran dan pembelajaran yang dihentikan tidak diganti melalui kaedah *online/remote learning* dan tidak digantikan setelah pembelajaran institusi beroperasi kembali.**

Pada prinsipnya ia bergantung kepada tahap dan jenis (klinikal atau teori) penawaran sesuatu kursus. Pada peringkat praklinikal, sekiranya penawaran kursus telah mencapai sekurang-kurangnya 70% daripada kandungan kursus dan **semua Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) telah dicapai**, pengecualian boleh diberikan untuk tidak mengganti komponen tersebut. Walau bagaimanapun, penggantian melalui pembelajaran *online* atau tugas pembelajaran adalah disyorkan. Komponen yang tertinggal juga boleh ditawarkan secara *microlearning* atau kaedah lain yang bersesuaian di semester yang berikutnya. Bagi kursus diperingkat klinikal penghentian tanpa penggantian adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

## **STUDENT LEARNING TIME (SLT) / KREDIT**

### **8. Kesan pengubahsuaian dan perubahan ini terhadap pengiraan SLT atau kredit serta pembelajaran dan penilaian pelajar.**

Pengubahsuaian dan perubahan terhadap pembelajaran dan penilaian pelajar (sama ada yang melibatkan penggantian atau tidak diganti) yang memenuhi sekurang-kurangnya 70% hingga 80% keperluan SLT **boleh** dipertimbangkan oleh PPT sebagai telah memenuhi keperluan kredit, namun ianya **dihadkan** pada peringkat praklinikal sahaja.

## LATIHAN INDUSTRI

### 9. Tidak berkaitan.

## PENILAIAN PELAJAR

### 10. Peperiksaan akhir digantikan dengan lain-lain bentuk penilaian pelajar seperti peperiksaan secara *online*, tugasan dan sebagainya.

Peperiksaan akhir di kampus boleh digantikan dengan kaedah penilaian yang lain seperti *take-home-exam*, *open-book-exam*, peperiksaan secara *online*, tugasan akhir dan sebagainya. Namun kelonggaran ini diberikan kepada bidang Sains Asas (praklinikal) dan Kemahiran Insaniah (*generic skills*). PPT perlu memastikan mekanisma penilaian yang digunakan dapat mengukur pencapaian pelajar secara individu. Prinsip utama adalah kaedah terbabit dapat mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan serta memelihara sebaik aspek *validity*, *reliability*, *security* dan *fairness* dalam pelaksanaan berdasarkan situasi semasa. PPT perlu membuktikan aspek tersebut semasa lawatan pemantauan atau akreditasi penuh.

Pada prinsipnya penilaian kemahiran klinikal dan kemahiran melakukan prosedur **TIDAK BOLEH** diganti dengan penilaian atas talian. Walau bagaimanapun kelonggaran boleh diberi untuk perlaksanaan penilaian kemahiran klinikal Tahap 3 ‘Show how’ masih boleh dilakukan secara *real time* atau *non real time* (recorded) (cadangan Tahap 4 ‘Does’ untuk menilai kompetensi spesifik contohnya history taking masih boleh dibuat secara ‘live’ (real timed) dengan **SYARAT** institusi mempunyai **kepakaran** dan **fasiliti** yang lengkap untuk menyokong perlaksanaan tersebut dan juga institusi perlu **membuktikan** bahawa perlaksanaan penilaian kemahiran klinikal dilakukan adalah **valid, reliable, secure** dan **fair**.

### 11. Peperiksaan akhir tidak dilaksanakan dan tidak diganti dengan lain-lain bentuk penilaian pelajar.

## TIDAK DIBENARKAN.

### 12. Peperiksaan akhir pelajar tahun akhir.

Jika PKP diteruskan atau perhimpunan besar tidak dibenarkan sehingga

hujung tahun 2020, maka peperiksaan akhir pelajar perlu dibuat mengikut kaedah *Scenario Based Clinical Examination* tanpa melibatkan pesakit.

### **13. Penggantian gred pemarkahan kepada Lulus/Gagal dan Kemajuan Pengajian.**

Penggantian gred pemarkahan kepada Lulus/Gagal, secara dasarnya bergantung kepada tahap penawaran kursus. Bagi kursus Tahun 1 hingga Tahun 4, PPT boleh memberi keputusan **kelulusan bersyarat**. Pelajar boleh dibenarkan meneruskan pengajian keperingkat seterusnya berdasarkan peperiksaan akhir semester. Mana-mana komponen (klinikal atau praktikal) yang tidak dinilai semasa Perintah Kawalan Pergerakan hendaklah dijalankan apabila tamat atau pasca Perintah Kawalan Pergerakan.

### **14. Pengendalian sesi pengajaran-pembelajaran dan peperiksaan semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan.**

Majlis Perubatan Malaysia juga memberi fleksibiliti penggunaan pesakit simulasi bagi menggantikan pesakit sebenar semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan dengan syarat procedur berkaitan keselamatan pelajar dan pesakit simulasi dipatuhi. Kebenaran ini diberi dalam masa 6 bulan selepas pasca Perintah Kawalan Pergerakan. Tempoh sebenar fasa pasca Perintah Kawalan Pergerakan mungkin berubah dan akan dimaklum kepada PPT dari semasa ke semasa.

Pusat Jaminan Kualiti Dalaman PPT dikehendaki **memantau** perlaksanaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan dan **menyelaras tindakan pasca krisis setelah keadaan kembali pulih** dan menyediakan bukti pemantauan tersebut.

## **PENYELARASAN SISTEM SEMESTER**

### **15. Penyusunan kursus-kursus yang melibatkan semester panjang dan semester pendek.**

PPT perlu menguruskan secara bersesuaian penamatan semester pengajian semasa dan seterusnya penawaran semester baharu. Adalah dinasihatkan untuk PPT mengelakkan berlaku pertindihan semester pengajian.

Bagi membolehkan pelajar kembali kepada landasan kemajuan pengajian

asal (*original study track*), PPT diberi fleksibiliti untuk menawarkan minggu pengajian kepada maksimum **50** minggu setahun bagi mencapai sasaran atau sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah kredit yang ditetapkan. Ini bagi membolehkan pelajar mengikuti komponen pengajian yang perlu dibuat pengulangan dan/atau pengukuhan.

PPT adalah dinasihatkan memberi pilihan kepada pelajar untuk menentukan beban pengajian tambahan dan memberi perhatian kepada pelajar yang berisiko dalam kemajuan pengajian sekiranya mengambil beban pengajian tambahan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui emel [admin.mmc@moh.gov.my](mailto:admin.mmc@moh.gov.my).

**[Diluluskan oleh Majlis pada 6 April 2020]**